

# NOTIS PEMBERITAHUAN



Kepada Semua Pemegang Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Mulai 28 Jun 2017, ASNB akan menaik taraf sistem urus niaga yang melibatkan unit ASB.

Proses menaik taraf sistem ini akan melibatkan:

## NOMBOR AKAUN BAHARU

Nombor akaun pemegang unit akan bertukar dari 9 ke 12 digit.

## KEMAS KINI BUTIRAN PERIBADI

Dalam memastikan pemegang unit mendapat maklumat penting dan terkini mengenai produk unit amanah dan perkhidmatan ASNB dengan lebih cepat dan efisyen, pemegang unit / penjaga berdaftar dinasihatkan mengemas kini maklumat berikut:

- No. Telefon
- Alamat E-mel
- Maklumat Akaun Bank (Untuk keperluan pembayaran secara elektronik pada masa akan datang - sila bawa buku akaun/penyata bank)
- Pekerjaan
- Alamat surat-menjurat

ASNB ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memilih unit amanah ASNB sebagai instrumen pelaburan anda.

Prospektus Induk tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2016, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 15 November 2016 dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 16 Mac 2017 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sebelum melabur, pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang boleh diperolehi di mana-mana cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran dan bayaran yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Pelabur dalam unit amanah adalah tertakluk kepada risiko pelaburan dan lain-lain risiko am seperti yang terkandung di dalam Prospektus. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pelabur yang ingin mengetahui maklumat penting mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh mendapatkan Halaman Serahan Produk yang telah dikeluarkan oleh ASNB di pejabat ASNB dan ejennya.

Imbas di sini



### Maklumat Penting:

\* Berkuat kuasa 1 Januari 2017, urus niaga pelaburan tambahan dan jualan balik dalam tabung unit amanah yang sama dan pada hari yang sama (SDT) adalah tidak dibenarkan.

Sila maklum, selaras dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kemas kini buku pelaburan hanya dibenarkan kepada pemegang unit / penjaga daftar sahaja. Bagi pengemas kinian buku pelaburan untuk pihak ketiga, pemegang unit / penjaga daftar perlu mengemukakan surat kebenaran dari pemegang unit / penjaga daftar atau melengkapkan Borang Kebenaran Wakil yang boleh didapati di kaunter-kaunter cawangan ASNB atau dimuat turun melalui [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)